

Biografi Bekas Juara Dunia, Silat Olahraga: Zakri Ibrahim

Nor Adlina Binti Moinnuddin
Nur Amizatul Shahida Binti Mokhtar
Alwi Mohd Yunus
Irwan Kamaruddin Abdul Kadir

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam,
Selangor

Abstrak

Artikel ini berkisar tentang pengalaman dan perjuangan seorang tokoh dalam silat olahraga iaitu Zakri Bin Ibrahim yang pernah mendapat gelaran sebagai juara dunia dalam silat olahraga pada tahun 2000. Kajian ini dibuat berdasarkan kepada sumber pembacaan dan juga sumber lisan yang telah dijalankan bersama beliau. Artikel ini memaparkan tentang latar belakang beliau dan perjalanan hidup dari beliau dilahirkan serta pengalaman beliau ketika berkecimpung dalam silat olahraga. Beliau merupakan atlet yang terawal menyertai silat olahraga di mana pasukan beliau merupakan pasukan pertama yang terlibat dan mewakili Malaysia ke sukan SEA pada tahun 1987. Selain berkongsi pengalaman manis dalam bidang silat olahraga, beliau juga berkongsi pengalaman pahit dan cabaran yang dilalui sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ini. Beliau juga merupakan pengasas kepada Persatuan Bekas Pesilat Negara. Dalam konteks ini, beliau juga berkongsi mengenai pencapaian beliau sepanjang menjadi atlet silat negara. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenali dan mengetahui tentang latar belakang dan pengalaman tokoh silat olahraga yang pernah mendapat gelaran juara dunia pada satu ketika dahulu dan memberi pendedahan mengenai sumbangan beliau.

Kata Kunci : Zakri Ibrahim, Silat, Silat olahraga, Sukan SEA, Persatuan Bekas Pesilat Negara, Juara dunia

Abstract

This article is based on the experience and struggles of a sport martial art, Zakri Bin Ibrahim, who won a world title in sports martial arts in 2000. This study is based on reading and oral resources. This article presents his background and his life journey as well as his experience in sports martial arts. He is the first athlete to participate in sport where his team was the first to participate in the SEA Games on 1987. In addition to sharing his colorful experiences in martial arts, he also shared the bitter experience and challenges he has faced throughout his involvement in the field. He is also the founder of the Persatuan Bekas Pesilat Negara. In this context, he also shares his achievement as a martial arts athlete. The objective of this study is to identify and learn about the background and experience of sports martial arts who have won a world title in the past and their contributions.

Keywords: *Zakri Ibrahim, Sports martial arts, SEA Games, Persatuan Bekas Pesilat Negara, World champion, Silat*

Latar Belakang Zakri Ibrahim

Zakri Bin Ibrahim merupakan satu nama yang tidak asing dalam dunia silat olahraga. Beliau dilahirkan pada 1 Oktober 1968 dan merupakan anak kelahiran Kampung Pandan, Kuala Lumpur (Ahmad Zam Hariro et al., 2017). Kampung Pandan juga merupakan tempat beliau dibesarkan. Kini beliau menetap di Semenyih, Selangor. Beliau lebih dikenali sebagai "Zack" di kalangan rakan-rakannya. Merupakan anak kepada pasangan Ibrahim Bin Mohammad Kasim dan Aisyah @ Salimah Amat. Bapanya berasal dari Kampung Melayu Majidee, Johor dan ibunya pula merupakan anak kelahiran Kampung Baru, Kuala Lumpur. Bapa beliau merupakan seorang bekas tentera laut dan telah meninggal dunia manakala ibunya merupakan seorang suri rumah. Beliau merupakan anak ke-lima dan mempunyai lapan orang adik beradik, terdiri daripada dua perempuan dan enam lelaki. Menurut beliau, dikalangan adik beradik hanya beliau yang mengikuti jejak langkah arwah bapanya iaitu pernah berkhidmat untuk jabatan kerajaan dan juga mewarisi minat bapanya dalam bidang silat. Bapanya pernah terlibat dalam Silat Nasuha dan sering mengikuti latihan dan membawa beliau bersama ketika mereka menetap di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

Beliau telah mendirikan rumah tangga pada 30 Mei 1991 dengan pasangannya iaitu Nor Aswana Binti Ahmad. Isteri beliau kini berkerja di syarikat guaman (Ahmad Zam Hariro et al., 2017). Pasangan ini telah dikurniakan lima orang cahaya mata iaitu dua perempuan dan tiga lelaki. Dua daripada anak beliau telah menamatkan pelajaran manakala tiga lagi masih belajar. Selain daripada silat, beliau juga suka untuk melakukan aktiviti-aktiviti kebajikan dimana beliau akan mengambil berat tentang nasib bekas-bekas pesilat negara dan cuba membantu mereka sehingga ianya menjadi satu hobi buat beliau. Selain berkhidmat untuk negara sebagai pesilat, beliau juga pernah mencuba beberapa pekerjaan. Selepas mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau pernah mencuba dalam bidang kemahiran iaitu membuat bingkai gambar. Kemudian beliau juga pernah berkhidmat sebagai anggota polis selama beberapa tahun di mana ianya merupakan cita-cita beliau. Setelah itu, beliau berpindah ke beberapa syarikat swasta antaranya seperti Mah Sing Group dan Tan Chong Group.

Pada tahun 2009 beliau mula berkhidmat di syarikat Lion Group sehingga kini. Prinsip hidup yang setia dipegang oleh beliau, iaitu “perlu sentiasa maju ke hadapan tanpa menoleh ke belakang” merupakan satu peringatan buat beliau agar sentiasa berusaha lebih keras untuk mencapai kejayaan (Syakirah et al., 2018).

Latar Belakang Pendidikan

Zakri Ibrahim telah mendapat pendidikan pertama pada tahun 1975 di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chin Woo, Jalan Pasar, Kuala Lumpur sehingga darjah tiga dan berpindah ke Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tsun Jin, Kampung Pandan, Kuala Lumpur pada tahun 1978 sehingga tamat darjah enam iaitu pada tahun 1980 (Ahmad Zam Hariro et al., 2017). Setelah tamat darjah enam, beliau telah meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Lukman, Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur iaitu pada tahun 1981 sehingga tahun 1982 dan berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur sehingga tamat tingkatan lima iaitu pada tahun 1985. Punca perpindahan

beliau dari SMK Datok Lukman adalah kerana pada masa itu sekolah tersebut tidak mempunyai percampuran antara lelaki dan perempuan dan beliau merasakan ianya penting untuk menjadikan beliau lebih bersemangat dan menimbulkan sikap lebih rajin dalam diri beliau. Selepas tamat sekolah menengah beliau tidak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana merasakan cabarannya agak kurang berbanding sekarang dan pada ketika itu matlamat beliau hanya untuk mendapatkan pekerjaan dan membantu ibu bapa beliau.

Penglibatan Awal Dalam Silat

Penglibatan Zakri Ibrahim dalam silat bermula sejak beliau berumur 16 tahun iaitu semasa beliau ditingkatan empat. Pada awalnya beliau tidak berminat untuk menyertai silat walaupun bapanya merupakan seorang pesilat. Namun minat beliau untuk menyertai silat mula timbul sedikit demi sedikit apabila sering mengikuti bapanya ke latihan silat. Silat Gayong merupakan kategori silat yang pertama disertai oleh beliau. Semasa penglibatan awal beliau dalam seni silat ini, beliau telah berlatih di kawasan tempat tinggal beliau iaitu di Gimnasium Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Kuala Lumpur. Mana tidak tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi adalah gambaran yang sesuai bagi Zakri Ibrahim apabila dirinya mewarisi minat dan bakat yang ada pada bapanya dalam dunia silat.

Penglibatan beliau di dalam bidang silat tidak didorong oleh kedua ibu bapanya tetapi melalui pemerhatian beliau terhadap ketangkasan bapanya dalam Silat Nasuha sehingga menimbulkan minat dalam dirinya. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa silat ini merupakan satu seni mempertahankan diri yang unik berbanding seni pertahanan diri yang lain yang juga merupakan antara punca lain beliau berminat untuk mendalami dan mempelajari ilmunya. Seni silat itu sendiri menjadikan beliau individu yang sangat berdisiplin dan menghargai masa. Ianya sesuatu yang menarik beliau untuk meneruskan minatnya untuk terlibat dengan silat selain untuk mempelajari ilmu pertahanan diri ini.

Penglibatan Dalam Pasukan Silat Negara

Pada tahun 1987, Zakri Ibrahim mula bergiat aktif dalam bidang sukan silat atau dikenali dengan silat olahraga. Pada tahun itu juga silat olahraga telah diperkenalkan dan diterima sebagai acara rasmi di Southeast Asian Games (Sukan SEA). Beliau bersama tiga belas orang rakannya yang terpilih pada ketika itu untuk menyertai pasukan kebangsaan dalam acara silat. Pasukannya merupakan pasukan silat yang pertama mewakili Malaysia dalam acara silat olahraga di sukan SEA pada tahun 1987 yang berlangsung di Jakarta ketika itu. Penglibatan beliau dalam pasukan silat negara didorong oleh jurulatih beliau iaitu Fauzi Osman ataupun digelar Cikgu Fauzi Osman yang juga merupakan idola beliau dalam bidang silat ini. Beliau menyatakan bahawa jurulatih beliau merupakan individu yang sangat penting menyumbang kepada segala kejayaan yang beliau cipta.

Kejayaan demi kejayaan yang beliau cipta di sukan-sukan yang memberi impak besar seperti Sukan SEA, World Tournament Ship dan World Pencak Silat menjadikan beliau terkenal dan ianya menjadi lebih manis apabila sentiasa mendapat sokongan daripada kedua ibu bapa beliau. Beliau hanya mengambil masa selama satu tahun untuk mempelajari segala teknik yang diajar sehingga menjadi wakil Malaysia ke sukan yang bertaraf tinggi. Beliau berkongsi maklumat bahawa kejayaan yang beliau capai juga adalah disebabkan usaha, kerja keras serta latihan yang beliau lakukan tanpa mengenal erti penat. Segala ilmu dan teknik yang diajar oleh jurulatihnya akan dipraktikkan bagi memastikan ianya kekal dan dapat digunakan ketika pertandingan.

Permulaan kariernya sebagai pesilat ialah pada tahun 1986 apabila beliau mula menyertai Kejohanan Silat Kebangsaan Ke-3 di Kuala Terengganu iaitu kejohanan silat yang pertama bagi diri beliau dan memenangi tempat pertama dalam Kategori D Putra (60-65kg). Beliau dilatih oleh jurulatihnya iaitu Cikgu Fauzi Osman selama enam bulan sahaja. Bermula daripada situ beliau terpilih untuk mewakili Malaysia dalam acara silat olahraga. Antara kenangan manis yang beliau lalui semasa menjadi atlet silat ialah apabila beliau memenangi pingat emas pada kejohanan silat, World Tournament Ship yang berlangsung di Jakarta pada tahun 2000 dan mendapat gelaran juara dunia. Selain Cikgu Fauzi Osman, Cikgu Johari dan juga Cikgu Anuar Wahab yang merupakan pengasas Silat Gayong Patani merupakan jurulatih beliau ketika menjadi atlet silat.

Sewaktu menjadi atlet negara, beliau menjalani latihan di Majlis Sukan Negara iaitu bermula daripada pagi sehingga ke petang. Latihan yang dikendalikan di situ mengikut anggaran masa yang ditetapkan bagi seseorang atlet. Segala jadual yang diberi perlu dipatuhi bagi memastikan latihan yang cukup untuk dipraktikkan di pertandingan yang telah dijadualkan. Selain itu juga, beliau bersama atlet yang lain akan di bawa untuk menjalani latihan di luar kawasan mengikut program yang telah dijadualkan. Pantai Batu Buruk, Terengganu merupakan tempat menjalani latihan silat yang paling beliau gemari ketika menjadi atlet kerana beliau merasakan ianya lebih tenang dan sesuai untuk mengingat segala teknik yang beliau pelajari.

Sesuai dengan nama pertandingan ianya pasti akan ada pesaing. Begitu juga dengan Zakri Ibrahim, beliau mempunyai seorang pesaing yang sangat handal ketika beliau bergelar atlet iaitu Dani Wishnu, merupakan atlet silat Indonesia. Menurut beliau, Dani Wishnu merupakan satu cabaran dan sehingga kini namanya terpahat di mindanya kerana beliau tidak pernah berjaya untuk menewaskan beliau. Selain itu, tidak dilupakan kepakaran beliau dalam teknik guntingan. Beliau menceritakan bahawa beliau juga pernah digelar lagenda teknik guntingan pada ketika itu kerana dalam setiap pertandingan beliau akan menggunakan teknik ini. Beliau mempelajari teknik ini melalui penglihatan beliau pada pasukan luar negara dan cuba mempraktikkan ia apabila ada masa lapang. Kekangan teknologi pada ketika itu membolehkan beliau hanya melihat dan mempelajari segala teknik melalui tontonan di televisyen mahupun melihat secara nyata ketika di pertandingan yang beliau sertai.

Pada tahun 2000, beliau membuat keputusan untuk berhenti dan menggundur diri dari menjadi atlet negara untuk memberi peluang kepada generasi baru. Beliau mengambil keputusan untuk menyertai pertandingan terakhir dan mencipta nama di Sukan SEA yang diadakan di Malaysia pada tahun 2001 tetapi tidak kesampaian kerana nama beliau telah digugurkan atas sebab-sebab salah faham antara beberapa pihak. Oleh itu beliau meneruskan lagi usahanya untuk menyertai kejohanan silat bagi mencipta nama dan juga kenangan manis sebelum menutup lembaran kariernya sebagai pesilat negara. Segala kenangan pahit dan juga manis beliau pahatkan menjadi memori yang paling berharga buat diri beliau.

Kerjaya Sebagai Jurulatih

Memulakan karier tambahan sebagai jurulatih kepada pasukan silat pada tahun 2004, Zakri Bin Ibrahim merasakan ianya sangat penting bagi beliau untuk mencurahkan dan berkongsi ilmu silat yang ada pada diri beliau kepada generasi muda. Pada awalnya beliau membuka kelas persendirian untuk latihan silat di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil, Hulu Langat selama empat tahun dan memberi peluang kepada orang lain untuk mengendalikan kelas tersebut selepas itu. Beliau juga pernah dinobatkan sebagai jurulatih terbaik di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil, Hulu Langat, Selangor.

Selain daripada kenangan manis ketika menjadi jurulatih, beliau pernah menghadapi beberapa cabaran yang sukar antaranya pengorbanan dari segi masa dan kewangan. Oleh kerana kelas yang dibuka merupakan kelas persendirian, adakalanya beliau menghadapi kekangan kewangan dan waktu bersama keluarga juga menjadi terhad. Tetapi beliau merasakan cabaran dan halangan itu perlu diteruskan demi berkongsi ilmu kepada anak didik beliau. Antara anak didik beliau yang berjaya dalam silat dan terpilih untuk mewakili universiti ialah Muhammad Afifi. Beliau merupakan seorang bekas pelajar UiTM dan telah memenangi pingat emas pada tahun 2006 dalam Kategori E Putra (65-70kg) di peringkat ASEAN University Games (AUG) yang diadakan di Hanoi, Vietnam. Selain itu, beliau juga menerima pingat emas pada tahun 2008 dalam kategori yang sama di peringkat ASEAN University Games (AUG) yang diadakan di Kuala Lumpur.

Pengasas Persatuan Bekas Pesilat Negara

Selain menyertai Persatuan Silat Gayong, Zakri Ibrahim juga merupakan salah seorang daripada pengasas kepada Persatuan Bekas Pesilat Negara (PBPN). Persatuan Bekas Pesilat Negara yang ditubuhkan pada tahun 2013 yang hanya beroperasi secara atas talian mempunyai satu tujuan utama iaitu untuk mengumpulkan bekas-bekas pesilat negara yang pernah mewakili Malaysia dalam acara silat. Mereka akan mengadakan mesyuarat dan perbincangan di tempat-tempat tertentu mengikut persetujuan ahli. Selain itu, beliau menubuhkan persatuan ini untuk membantu dan menjaga kebajikan bekas-bekas pesilat negara. Tugas persatuan ini juga memastikan nasib

bekas-bekas atlet silat terjamin dengan cara menyampaikan sumbangan secara individu ataupun kepada ahli keluarga atlet tersebut. Mempunyai seramai lebih daripada lapan puluh orang ahli, persatuan ini juga bergerak aktif memantau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan silat olahraga di Malaysia dan sentiasa mencari idea baru untuk diketengahkan bagi menaikkan nama sukan silat di Malaysia.

Beliau menyatakan bahawa pada mulanya idea untuk mewujudkan persatuan ini datangnya apabila ada cabaran dan lontaran pendapat daripada minda rakan-rakannya untuk mengadakan perjumpaan atau perkumpulan alumni bagi bekas pesilat negara. Dari cadangan itu maka timbul lah idea baru untuk mewujudkan persatuan ini supaya dapat melakukan aktiviti dengan lebih teratur di bawah nama satu persatuan. Beliau mewujudkan persatuan ini bersama rakan terdekat beliau iaitu Habizan Othman dan Haslina Shaharudin. Beliau terlibat aktif dalam persatuan ini selama enam tahun dan mula memperlahankan aktivitinya bersama persatuan ini pada tahun 2019 selepas beliau terlibat kemalangan jalan raya.

Cabaran Semasa Menjadi Atlet Negara

Menurut Zakri Ibrahim, kecederaan yang selalu dialami adalah kecederaan di kaki kerana kebiasaannya para atlet silat akan menggunakan kaki mereka untuk menahan serangan daripada pihak lawan. Semasa menyertai Pencak Silat World Championship 2002 yang diadakan di Jakarta, beliau pernah mengalami kecederaan dimana setelah berjaya ke suku akhir perlawanan, kaki beliau telah bengkok sehinggakan amat sakit untuk memijak bumi. Beliau merasa tidak boleh meneruskan lagi perlawanan untuk ke peringkat separuh akhir tetapi beliau tetap berjaya ke peringkat akhir dan memenangi perlawanan itu kerana bagi beliau minda kita memainkan peranan yang sangat penting dan jika mengalami kecederaan, perlulah mengambil rehat yang secukupnya dan merawat kecederaan dengan segera. Menurut beliau lagi, tendangan daripada pihak lawan yang berasal dari negara lain adalah sangat berbeza kerana badan pihak lawan sangat kuat dan besar berbanding dengan atlet atau pesilat negara sendiri. Beliau juga memegang pada satu matlamat dimana jangan sesekali pandang belakang dan peduli akan sekeliling. Beliau berkata, motivasi dan ceramah adalah sangat penting

untuk setiap atlet sebelum mereka bertanding hal ini kerana untuk menaikkan lagi semangat mereka.

Selain itu, cabaran yang beliau rasa amat susah adalah mengekalkan berat badan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Para atlet tidak boleh melebihi berat yang ditetapkan walaupun sedikit. Beliau berkata, jika terlebih sedikit, atlet itu perlulah mengurangkan beratnya sehingga mendapat berat yang sepatutnya mengikut kategori masing-masing. Menurut beliau, sebelum bertanding, para atlet akan ditimbang terlebih dahulu dan perlu berlari bagi menghilangkan sedikit berat jika ada yang terlebih. Beliau berkata lagi, setelah selesai lari, para atlet akan berasa penat dan hilang sedikit tenaga tetapi mereka perlu berlawan selepas berlari. Jadi ini adalah antara cabaran yang sangat susah bagi para atlet silat. Beliau merasa disiplin yang tinggi adalah amat penting dan perlu ada dalam diri setiap atlet. Tambahan lagi, setiap atlet mempunyai satu graf yang mereka perlu jaga dengan baik. Jika graf itu jatuh, ia amat susah untuk menaikannya kembali. Graf ini menunjukkan prestasi atlet-atlet dalam setiap perlawanan. Setiap kali selesai perlawanan besar, para atlet dinasihatkan untuk berehat kerana jika mereka tetap paksa diri mereka untuk terus berlatih, hal ini boleh mengakibatkan graf mereka turun. Graf para atlet seharusnya mendatar dan tidak jatuh (Zakri Ibrahim, 2019)

Pencapaian Yang Diperolehi

Sebelum mewakili negara dalam acara silat, seseorang atlet haruslah melepasi beberapa peringkat terlebih dahulu iaitu bermula dengan peringkat pertubuhan, kemudian ke peringkat daerah dan seterusnya adalah peringkat negeri. Setelah selesai mewakili di peringkat negeri, barulah seseorang atlet itu akan diambil untuk mewakili negara tetapi di setiap peringkat terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang harus dilalui oleh mereka (Zakri Ibrahim, 2019). Zakri Ibrahim berkata bahawa beliau telah berjaya memenangi tiga kali berturut-turut dalam peringkat kebangsaan dan berasa bangga kerana dapat mengharungi segala cabaran tetapi menurut beliau adalah amat susah untuk memenangi sesuatu perlawanan berlawan dengan pihak lawan dari luar negara kerana corak perlawanan mereka sangat berbeza dan susah untuk diramal.

Menurut beliau, anggaran pingat yang telah beliau perolehi sepanjang menceburkan diri dalam seni silat di peringkat kebangsaan dan peringkat

daerah terdapat lebih kurang lima puluh pingat. Pada sukan SEA tahun 1987 ini, beliau telah memperolehi pingat perak. Pada tahun yang sama juga beliau telah mewakili Malaysia sekali lagi dalam World Tournament Ship dan juga memperolehi pingat perak. Pada tahun 1991, beliau sekali lagi mewakili Malaysia ke Sukan SEA di Manila dan beliau telah mengejutkan Malaysia dengan memperolehi pingat emas. Ketika mewakili Malaysia dalam World Pencak Silat yang diadakan di Thailand pada tahun 1993, beliau telah memperolehi pingat perak. Beliau sekali lagi telah memperolehi pingat emas di Sukan SEA yang diadakan di Chiang Mai pada tahun 1995 dan juga memperolehi pingat emas bagi acara World Tournament Ship atau juga dikenali sebagai Silat Sedunia pada tahun 2000. Beliau dapat menewaskan wakil tuan rumah iaitu Samuel Amarillo dalam Kategori J Putera (90-95kg) pada ketika itu. Menurut beliau, acara terakhir yang beliau sertai dan berkecimpung dalam bidang silat ini adalah World Tournament Ship yang diadakan di Singapore pada tahun 2004 dan telah memenangi pingat gangsa. Tahun 2004 merupakan tahun terakhir beliau bergelar seorang atlet silat negara.

Harapan Kepada Masyarakat

Sukan silat ini berpotensi untuk menjadi sukan yang setaraf dengan sukan yang paling digemari ramai jika mempunyai dana yang secukupnya ataupun dipimpin oleh orang yang disegani ramai dan mempunyai jawatan yang besar kepada negara seperti menteri (Zakri Ibrahim, 2019). Seni silat juga seharusnya diperkenalkan dengan lebih mendalam lagi kerana silat merupakan satu-satunya sukan yang boleh menaikkan imej kita sebagai orang Melayu. Jadikan semangat dan sorakan daripada peminat sebagai pembakar semangat dan stamina kita untuk terus berlawan (Zakri Ibrahim, 2019). Aspek yang paling penting dalam setiap perlawanan adalah mental dan juga fizikal. Setiap atlet perlu sentiasa bersedia mental dan juga fizikal dalam menempuhi apa jua halangan dan cabaran. Beliau berkata lagi, pengamal-pengamal silat dinasihati agar tidak membawa perkara-perkara karut di dalam silat dan perlu menjaga imej baik silat itu sendiri.

Kesimpulan

Silat merupakan satu seni yang unik untuk dipelajari. Terdapat ratusan jenis silat di dalam Malaysia antaranya ialah silat olahraga. Zakri Ibrahim merupakan salah seorang tokoh bagi silat olahraga atas sumbangan dan jasa beliau dalam bidang ini. Zakri Ibrahim merupakan seorang bekas pesilat negara yang telah pernah berbakti dalam mengharumkan nama negara satu ketika dahulu. Jasanya perlu dikenang dan diingati sehingga ke hari ini oleh kerana beliau juga telah berkorban segalanya untuk menaikkan nama negara di mata dunia.

Tambahan pula, pentingnya untuk mendokumenkan pengalaman, sumbangan dan jasa beliau untuk memberi pendedahan kepada orang ramai serta menambah maklumat agar generasi kini tidak lupa akan sumbangan beliau. Beliau merupakan seorang yang sangat berdedikasi dan berdisiplin tinggi ketika menjadi seorang atlet untuk menjaga nama baik negara yang beliau bawa. Melalui pembacaan dan hasil lisan bersama beliau menimbulkan rasa bangga dan hormat terhadap segala usaha yang beliau telah berikan untuk negara pada satu ketika dahulu.

Rujukan

Ahmad Zam Hariro Samsudin, Habibi Mastura Norza Azham, Nur Farihatul Jannah Azime & Mohd Nazir Ahmad. (Oktober 2017). Biografi Lagenda Emas Sepak Takraw Negara: Suhaimi Bin Yusof. Jurnal Sejarah Lisan Malaysia. 1(1). Retrieved from <https://jslim.uitm.edu.my/pdf/9.pdf>

Anuar Abd Wahab. (2008). *Silat, Sejarah Perkembangan Silat Melayu Tradisi dan Pembentukan Silat Malaysia Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Syakirah Abd Rahim, Nurihan Mat Seman, Abdul Rahman Ahmad & Mohd Shamsul Mohd Shoid. (April 2018). Biografi Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Tairobi Bin Abdul Razak (B). Jurnal Sejarah isan Malaysia. 2(1). Retrieved from <https://jslim.uitm.edu.my/pdf/216.pdf>

Zakri Bin Ibrahim (24 Oktober 2019), Temubual personal.